

02 AUG 2003

I

KEMUKA BUKTI PEMBABITAN MENTERI KABINET: DR MAHATHIR

PORT DICKSON, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta ketua Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM) Munsyi Muslim Yacob supaya mengemukakan bukti pembabitan anggota Kabinet dengan pertubuhan haram Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

"Tunjuk bukti. Orang boleh bercakap tetapi ia tidak bermakna ada Menteri terlibat," katanya semasa diminta mengulas laporan mengenai kenyataan Munsyi bahawa ada anggota Kabinet terbabit dengan PKPM.

Bercakap kepada pemberita di Kondominium Peranginan TNB di sini petang ini, Dr Mahathir berkata jika Munsyi gagal mengemukakan bukti, tindakan akan diambil terhadapnya.

Sebuah akhbar bahasa Inggeris hari ini memetik laporan sebuah akhbar berbahasa China mengenai dakwaan Munsyi itu.

Polis telah menumpaskan PKPM dengan penangkapan ketuanya Nor Azami Ahmad Ghazali serta para pemimpin kanannya.

Munsyi sebelum ini turut dilaporkan berkata Nor Azami menubuhkan PKPM selepas disingkirkan daripada menganggotai PCTM yang merupakan sebuah pertubuhan berdaftar.

-- BERNAMA  
APG YBY MOZ